

# KEWAJIPAN AHLI-AHLI AGAMA DI MALAYA SEKARANG

(OLEH MUHAMMAD MUHYĪDDĪN MŪSĀ DI KAHERAH)

(DISIARKAN OLEH BADAN PERSURATAN MELAYU MESIR)

Malaya sekarang sedang menghadapi pengaruh kebaratan yang amat hebat, segenap segi hidup bangsa kita telah bertukar dan berubah corak. Segala apa yang ada dalam tangan kita baik adat resam, kebudayaan, tingkah laku hingga kepada agama kita sendiri yang telah kita paksai dari nenek moyang kita yang turun-temurun itu kesemuanya telah dirasa kuno dan tidak memuaskan hati pada hari ini. Manakala dahulu agama Islam itu adalah suatu perkara suci yang tak berani disentuh dan dikritik, tetapi sekarang telah mula berani disentuh dan di'tirād.

Beginilah suasana yang ada di tanah-tair kita hari ini, sedang mabuk dengan segala perkara yang datang dari Barat dengan tidak dihalusi dan ditapis lagi sama ada sesuai atau tidaknya dengan masyarakat kita, adat resam kita yang baik dan agama kita Islam.

Kadaan yang tersebut itu adalah sangat besar bahayanya kerana peribadi sesuatu bangsa itu terdiri di atas adat resam, kebudayaan, kesenian, agama dan nilaiannya yang dipaksai dari datuk nenek moyangnya, tetapi manakala perkara ini semuanya runtuh dan lebur maka berertilah bangsa itu telah hilang peribadinya dan tidak ada yang tinggal selain daripada warna kulit dan bentuk tubuh badan sahaja.

Inilah yang dikatakan penjajahan batin atau moral, akibatnya lebih merbahaya daripada penjajahan zahir yang berupa tentera dan pemerintahan dalam segi politik negara itu.


Penjajahan moral inilah yang menyebabkan tegapnya kaki penjajahan politik dan ekonomi di suatu negara, bahkan akan kekal berkurun-kurun lamanya mempengaruhi jiwa rakyat jelata selepas daripada keluarnya penjajahan politik yang zahir itu.

Bahaya ini semuanya telah dideritai oleh seluruh negara-negara Timur Tengah istimewa negara Mesir sendiri yang mana pemimpin-pemimpin dan golongan-golongan yang bijak pandainya telah sedar dan menjalankan segala ikhtiar untuk memberi kesedaran pula kepada rakyat jelata supaya kembali semula kepada kebudayaan Timur dan Islam serta menapis dengan hati-hati segala perkara yang datang dari Barat itu.

Setelah nyata segala keadaan dan hakikat-hakikat yang berlaku di hadapan mata sehari-hari itu, marilah pula kita fikirkan siapakah yang bertanggungjawab di atas kejadian-kejadian yang seumpama itu? Jawabnya tentulah bijak pandai Melayu kita amnya dan ahli-ahli agama khasnya yang mana mereka sememang berkewajipan memelihara keselamatan agama dan budi pekerti bangsa serta memberi pimpinan yang sihat supaya orang ramai dapat mengukur dan memilih mana yang baik dan mana yang buruknya, tetapi sayang! Nampaknya ahli-ahli agama itu belum lagi hendak menambahkan tenaga dan kegiatannya dalam menyebarkan agama dan menghamburkan ajaran-ajarannya yang jati supaya berseimbangan dengan kemajuan yang terus-menerus dalam segi kebendaan dan moden yang buta tuli itu.

Ahli-ahli agama kita

di Malaya hari ini  
harus menukar  
corak perjuangannya,  
jikalau dahulu kita  
hanya menyebarkan agama  
dalam lingkungan  
sekolah-sekolah, pondok-pondok  
dan dalam kalangan  
pengikut-pengikutnya dengan rupa  
mengajar hukum-hukum Islam  
dan nasihat-nasihat, maka  
sekarang ini keadaan yang  
seumpama itu tentulah  
tidak mencukupi dan  
jauh sekali daripada  
cukup.



*Sebuah masjid yang masyhur di Baghdad*

Kita berkehendak sekarang tenaga yang seimbangan dengan kemajuan alam kebendaan itu. Oleh itu mahulah siaran agama itu dijalankan dengan secara luas dalam segenap golongan masyarakat kita dengan cara-cara yang sesuai pula dengan keadaan zaman sekarang. Agama yang dikehendaki menyiarnya itu bukanlah hukum-hukum dan fatwa-fatwa sahaja sebagaimana yang telah diperjuangkan pada masa-masa yang silam, tetapi yang paling utamanya ialah menyiarkan didikan agama, dasar-dasar agama yang sejati dan falsafahnya dalam segenap segi yang mengenai hidup manusia di dunia ini supaya agama itu dipandang bukannya untuk akhirat sahaja bahkan suatu peraturan hidup yang cukup lengkap dan aktif. Dari situ agama akan dipandang tinggi semula dan menimbulkan iman yang sejati serta membawa kepada bekerja untuk menjadikannya suatu peraturan hidup

dalam negara kita kelak.

Untuk melaksanakan tujuan ini tentu pertama kalinya berhajat kepada ahli-ahli agama itu bersatu, kitab-kitab agama mahulah dibaharui dan ikhtiar mengadakan karangan-karangan baharu yang sesuai dengan kemahuan ahli masa sekarang baik dalam susunan, bahasa atau pun isi kandungannya.


Lagi suatu perkara yang berhubung dengan risalah ahli-ahli agama juga iaitu menyatukan sukatan pelajaran dan peraturan sekolah agama di Malaya. Soal ini adalah suatu soal yang amat besar yang perlu sekali diambil tindakan oleh tiap-tiap orang yang cemburu kepada agama dan kepada maslahat anak bangsa sendiri, kerana dengan didikan yang tak menentu arah dan tak tahu hujung pangkalnya itu

adalah sebagai racun yang membunuh jiwa pemuda yang menjadi harapan bangsa itu. Betapa tidak? Akibat daripada didikan yang seumpama itu – selain daripada faedah menghapuskan buta huruf – adalah mengeluarkan pemuda-pemuda yang tidak dapat memberi bakti kepada masyarakat bahkan pernah juga mengeluarkan pemuda-pemuda yang tidak berdaya mencari sara hidup buat diri sendiri.

Oleh itu jikalau dahulu kita memandangkan sekolah-sekolah agama itu untuk menyediakan lelaki yang alim dalam ilmu-ilmu akhirat dan amal ibadat sahaja mengikut fahaman yang sempit terhadap agama Islam pada masa itu, maka sekarang tatkala kita sedar bahawa agama Islam suatu peraturan yang cukup lengkap bagi kehidupan manusia dan datangnya untuk mengatur masyarakat manusia di dunia sebelum daripada akhirnya. Perlulah pula kita mengubah aliran pendidikan kita dalam sekolah-sekolah agama itu supaya dapatlah sesuai dengan tuntutan

agama Islam yang sebenar itu iaitu dengan menambahkan pelajaran-pelajaran baharu yang dipandang perlu bagi kehidupan zaman atom ini supaya dapatlah sekolah agama itu mengeluarkan pemuda-pemuda yang sebenar boleh berkhidmat dalam tiap-tiap lapangan yang dikehendaki oleh negara dan bangsa Melayu sekarang, dan jikalau hendak melanjutkan pelajaran tinggi pun boleh disambungkan di mana-mana sahaja. Inilah suatu perbaikan yang dikehendaki dijalankan dengan segera supaya jangan banyak lagi bilangan pemuda kita yang menjadi korban pendidikan yang tak berhujung pangkal itu.

Inilah asas-asas dan garisan-garisan besar yang dirasa umat perlu diperjuangkan oleh ahli-ahli agama kita di Malaya hari ini supaya sempat kita sejajar dengan angkatan kebaratan yang melampau-lampau itu dan jikalau kita masih alpa hari ini maka harus berkurun-kurun pula lamanya perjuangan anak cucu-cicit kita membetulkannya seperti yang telah berlaku di negara Mesir dan lainnya sekarang.



*Jabal al-Rahmah di padang 'Arafah, beribu-ribu orang haji mendakinya pada tiap-tiap tahun.*